

# NeXT

Network of excellence, Knowledge and Transformation



**EDISI**

**MEI 2025**

---


**eISSN : 3093-6543**

# LINGUA FUSION DAY : SEBUAH INTERAKSI BAHASA

Siti Nur Dina Haji Mohd Ali, Norshida Hashim, Anis Shahira Bazlan, Syahirah Almuddin & Nurulnabilah Abdul Aziz

Akademi Pengajian Bahasa  
Universiti Teknologi MARA (UiTM),  
Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah,  
Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia.

Festival Bahasa merupakan program anjuran Akademi Pengajian Bahasa, Kampus Kuala Pilah dengan kerjasama EAGLES English Club dan Persatuan Bahasa Arab yang dilaksanakan pada setiap semester pengajian. Program ini telah berjaya dilaksanakan pada semester lepas dan mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada para mahasiswa dan mahasiswi UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah. Berikutan kejayaan tersebut, Akademi Pengajian Bahasa Kampus Kuala Pilah dengan kerjasama EAGLES English Club dan Persatuan Bahasa Arab sekali lagi telah menganjurkan program ini bagi semester Oktober 2024 - Februari 2024 pada 2 Januari 2025 iaitu Lingua Fusion Day 2025. Program selama satu hari ini menyasarkan penglibatan 175 mahasiswa dan mahasiswi UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah.



Gambar 1: Setiap permainan akan disediakan maklumat lengkap permainan

Sehubungan dengan itu, terdapat beberapa permainan yang menarik telah dirancang bagi menarik minat para peserta peserta untuk menyertai program ini sekaligus memupuk minat mereka untuk mendalami bahasa-bahasa tersebut secara santai tetapi memberi impak. Aktiviti-aktiviti yang dirancang ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa ketiga dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi serta memupuk nilai-nilai positif para peserta terhadap pembelajaran bahasa dalam suasana tidak formal. Hal ini dapat memberi nilai tambah kepada kod kursus bahasa yang telah mereka pelajari di dalam bilik kuliah. Bagi program ini, terdapat 6 aktiviti yang berfokuskan 3 bahasa iaitu bahasa Inggeris, bahasa Arab dan bahasa Mandarin yang akan dijalankan iaitu (i) اقلب وطابق (Flip and match) dan (ii) تسلسل الكلمات (urutan kata) - kategori bahasa Arab, (i) Brainy Boggle: Vocabulary Showdown, (ii) Tense it Up! - kategori bahasa Inggeris, (i) Picture Perfect Mandarin: Cíyǔ Dāpèi Túpiàn Duijué dan (ii) Mandarin Artistry: Shūfǎ Duijué - kategori bahasa Mandarin.



Program Lingua Fusion Day 2025 telah mencapai objektif yang disasarkan di mana ia dapat menyediakan satu medan bagi para mahasiswa dan mahasiswi untuk memantapkan kemahiran berbahasa bagi ketiga-tiga bahasa ini, khususnya. Selain itu, program ini secara tidak langsung meningkatkan penguasaan dan penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa ketiga melalui aktiviti permainan yang disediakan serta kemakiran berkomunikasi bersama peserta yang lain terlibat. Di samping itu, ia turut membantu mahasiswa dan mahasiswi mengenai kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam menyelesaikan tugas yang diberi.

Penguasaan bahasa yang baik dapat menyediakan para mahasiswa dan mahasiswi yang berdaya saing diperingkat kebangsaan dan antarabangsa seiring dengan visi UiTM dalam melahirkan graduan yang serba boleh serta mampu mencapai kecemerlangan dalam semua aspek di samping dapat melatih mereka sebagai pemimpin cemerlang pada masa hadapan.

Kesimpulannya, program Lingua Fusion Day 2025 ini telah berjaya dilaksanakan dengan jayangan di atas usaha dan kerjasama semua ahli jawatankuasa pelajar dan pensyarah. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat sebelum, semasa dan selepas program Lingua Fusion Day 2025 dijalankan. Tidak dilupakan juga kepada penyelaras program merangkap penasihat Eagles English Club dan Persatuan Bahasa Arab UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah serta pensyarah-pensyarah Akademi Pengajian Bahasa Kampus Kuala Pilah atas sumbangan yang diberi secara langsung maupun tidak langsung.

Seterusnya, kepada semua ahli jawatankuasa Program Lingua Fusion Day 2025 kerana telah bertungkus-lumus dalam menyumbangkan masa dengan tenaga dalam melakukan persiapan program sebelum, semasa dan selepas program ini berlangsung. Usaha yang diberikan oleh setiap ahli amatlah dihargai kerana telah berjaya menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan penuh dedikasi serta berjaya membahagikan masa dalam menyelesaikan tugas utama dengan tugas utama ahli sebagai pelajar. Akhir sekali, ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pelajar yang telah melibatkan diri dalam pertandingan yang diadakan. Komen positif yang diterima telah memberi impak yang besar kepada ahli jawatankuasa dari segi emosi dan telah memberi semangat kepada ahli jawatankuasa agar memberi yang terbaik untuk program yang mendatang.

